

31 JUL 1997

Mahathir-Bakun

LANTIK KONTRAKTOR BARU BAKUN JIKA PERTIKAIAN GAGAL DIATASI

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Kerajaan mungkin melantik kontraktor baru bagi melaksanakan projek hidro-elektrik Bakun bernilai RM13.6 bilion jika pertikaian antara Ekran Bhd dan Asea Brown Boveri-Compahia Brasileira de Projectose Obras Consortium (ABB Consortium) gagal diselesaikan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Jika masalah itu terus meruncing, ada kemungkinan (melantik kontraktor baru). Sudah tentu jika anda menandatangani satu kontrak, anda tidak melaksanakannya, mungkin ada pampasan perlu dibayar dan perkara-perkara yang seperti itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan acara lumba Go-Kart Enduro Indy 40, di sini.

Dr Mahathir juga menerima Piala Perdana Menteri iaitu trofi pusingan bagi acara itu, yang akan diadakan di Langkawi pada 30 Ogos ini, daripada pengeluar Go-Kart Itali, CRG.

Ketika ditanya apa langkah seterusnya jika kedua-dua pihak gagal menyelesaikan masalah itu, Dr Mahathir berkata: "Mereka cuba (menyelesaikan perkara itu) tetapi mereka tidak dapat mempersetujuinya. Sebagai langkah berikutnya, kerajaan mungkin masuk campur."

Pengerusi eksekutif Ekran, Tan Sri Ting Pek Khiing, telah berkata bahawa pertikaian antara Ekran Bhd dan ABB Consortium ialah berhubung ketidakpersetujuan kos yang melebihi anggaran nilai projek itu, yang boleh dituntut oleh ABB Consortium.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengkaji alasan ketidakpuasan hati dengan syarat-syarat perjanjian itu "yang menurut Ting terlalu memihak kepada ABB."

Ketika ditanya sama ada imej negara akan terjejas jika kontrak itu dibatalkan, beliau berkata: "Kita boleh mematuhi kontrak itu jika syarat-syaratnya adil. Tetapi sekiranya ia didapati tidak adil, kita tidak mempunyai pilihan. Saya tidak tahu sama ada ia tidak adil atau tidak."

Beliau berkata kontrak itu dibuat oleh Ekran sendiri, dan "mungkin terdapat beberapa perkara yang boleh menyebabkan kontrak dianggap sebagai tidak adil."

Ting semalam dipetik sebagai berkata bahawa terdapat beberapa perkara dalam kontrak kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan itu, yang membolehkan konsortium diketuai ABB itu menuntut kos lebih daripada nilai kontrak AS\$5.44 bilion itu.

Dr Mahathir juga berharap pertikaian dapat diselesaikan secepat mungkin.

Sekembalinya daripada cuti dua bulan ke luar negara minggu lepas, Perdana Menteri berkata beliau yakin sebarang masalah (berhubung projek Bakun itu) dapat diselesaikan.

Empangan itu, antara projek prasaranan terbesar di Asia Tenggara, mampu menjana 2,400 megawatt elektrik apabila ia siap pada 2003.

Ekran memiliki 32 peratus ekuiti dalam projek itu, kerajaan negeri Sarawak 19 peratus dan Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak mempunyai sembilan peratus.

Tenaga Nasional Berhad, Kerajaan Malaysia menerusi Khazanah Nasional Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, masing-masing memiliki lima peratus manakala baki 15 peratus diperuntukkan kepada orang awam Malaysia dan institusi tempatan dan luar negara. -- BERNAMA

RAZ NAK

